



Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Pertama

OGOS - SEPTEMBER 2014

'Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran, ayat-ayat suci yang menjadi ubat, penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepada-Nya...'
- Surah Al-Isra' ayat 82 -

Petikan Ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan

“... untuk maju kehadapan setiap ketua perkhidmatan dan bahagian malahan keseluruhan warga Kementerian Kesihatan disarankan akan terus melipatgandakan usaha dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan; sentiasa muhasabah untuk menilai tahap perkhidmatan bagi mengenalpasti akan pemberian yang perlu dilaksanakan; berterusan mengamalkan sifat permuafakatan dengan sentiasa bermuzakarah dan bersyura untuk menyelesaikan apaujua masalah dan sepakat bagi mengambil keputusan yang terbaik dan bagi sentiasa mewujudkan perkhidmatan yang berilitzam, berkualiti, berkesan, cemerlang, berakhhlak yang mulia, berdisiplin dan mematuhi etika kerja yang murni lagi mulia.”

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof, Menteri Kesihatan**

pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Kementerian Kesihatan Terbaik bagi Pusat-pusat, Klinik-klinik, Wad-wad Hospital dan Klinik-klinik Kepakaran Perubatan dan Penghargaan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Pesara-pesara pada 3 Muharram 1434 bersamaan 17 November 2012 di Jerudong Polo Country Club.

Dari Meja Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (DGHS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh, Salam Sejahtera dan Salam Aidilfitri kepada semua warga Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (JPK). Syukur Alhamdulillah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan melalui Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan (QPRD) telah dapat menerbitkan buletin yang dinamakan NADI KESIHATAN, setiap dua bulan mulai Ogos 2014.

Tujuan NADI KESIHATAN ini diterbitkan adalah untuk menyebarluaskan maklumat terkini mengenai kesihatan dan penyakit-penyakit serta perkhidmatan-perkhidmatan, dan juga aktiviti-aktiviti kelolaan JPK. Disamping itu, NADI KESIHATAN juga diharapkan akan dapat memberikan maklumat terkini kepada semua pegawai dan kakitangan di JPK.

Dalam pada itu, semua pihak diharapkan juga akan dapat memberi kerjasama dalam menyumbangkan artikel-artikel yang bersesuaian serta maklumat aktiviti-aktiviti yang berkenaan untuk dimuatkan dalam terbitan NADI KESIHATAN pada masa akan datang.

Syabas kepada Sidang Editorial dan Selamat Membaca

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

ISU
KALI
INI

- Petikan Ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan
- Dari Meja DGHS
- Penubuhan Unit QPRD
- UK TB Screening
- Penyakit Ebola
- Ceramah Bersiri
- Aktiviti-Aktiviti




Penubuhan Unit QPRD

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah menubuhkan Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan (**Quality, Policy, Research and Development QPRD Unit**) mulai 1 April 2014 di bawah Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan. Ini adalah selaras dengan peta strategik Kementerian Kesihatan.

Tujuan Unit ini ditubuhkan:

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui Penyelidikan, Latihan dan Perkembangan
- Menyelaras aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kualiti termasuk akreditasi dan *Total Quality Management*
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan



Aktiviti-aktiviti yang telah & akan dilaksanakan:

- Kajiselidik Tumpuan Pelanggan 2014 dan Kajiselidik Kepuasan Bekerja 2014
- Ceramah Bersiri diadakan dua kali sebulan mulai Jun 2014
- Bengkel 'Healthcare Quality' pada bulan November 2014
- Proses untuk Akreditasi Pusat Kesihatan
- Perlaksanaan Audit Klinikal di kalangan doktor-doktor dan jururawat-jururawat
- Penerbitan Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan NADI KESIHATAN



Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan

UK TB Screening

Putus Kesihatan Bandar Seri Begawan telah diakreditasi oleh pihak United Kingdom mulai bulan Ogos 2014 sebagai Klinik Penyaringan Penyakit TB untuk permohonan visa ke United Kingdom.

Semua pelajar atau penduduk Negara Brunei Darussalam yang akan melanjutkan pelajaran atau yang akan bermastautin lebih dari enam bulan dikehendaki untuk membuat penyaringan penyakit TB sebelum dapat membuat visa.

Mereka dikehendaki untuk mendaftar terlebih dahulu di Bahagian Rekod Perubatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha atau Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait.

Untuk keterangan lebih lanjut mengenainya, sila hubungi Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan di talian 2230038 / 2230046 / 2230035 ataupun layari laman web <https://www.gov.uk/tb-test-visa/overview>

Misi

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

Ke arah mempromosikan kesejahteraan kesihatan dan Pencegahan penyakit

WEST AFRICA Ebola Outbreak



1st Ebola outbreak
in West Africa

4 countries:

- Guinea
- Sierra Leone
- Liberia
- Nigeria



Likely host = bats

Ebola is fatal in
55-60%
of cases reported
in this outbreak.

How do you get the Ebola virus?

Direct contact with:

- 1 Bodily fluids of a person who is sick with or has died from Ebola. (blood, vomit, pee, poop, sweat, semen, spit, other fluids)
- 2 Objects contaminated with the virus (needles, medical equipment)
- 3 Infected animals (by contact with blood or fluids or infected meat)

Early Symptoms:

Ebola can only be spread to others after symptoms begin. Symptoms can appear from 2 to 21 days after exposure.

- Fever
- Headache
- Diarrhea
- Vomiting
- Stomach pain
- Unexplained bleeding or bruising
- Muscle pain

When is someone able to spread the disease to others?

Ebola only spreads when people are sick.

A patient must have symptoms to spread the disease to others.



After 21 days, if an exposed person does not develop symptoms, they will not become sick with Ebola.



CDC

PENYAKIT EBOLA

Penyakit Virus Ebola (EVD) merupakan satu penyakit demam berdarah yang berpunca daripada jangkitan virus. EVD adalah sejenis penyakit serius dengan kadar kematian yang tinggi, yang boleh menjangkiti manusia dan haiwan seperti kelawar, monyet, cimpanzi dan gorila. Setakat ini, belum terdapat sebarang vaksin pencegah jangkitan atau rawatan khusus bagi penyakit ini.

Hingga ke hari ini, semua kes penyakit virus Ebola (EVD) dilaporkan berlaku di Negara-Negara Afrika iaitu Sierra Leone, Liberia, Guinea, Nigeria, Republik Demokratik Congo dan Senegal. Wabak ini dipercayai berpunca melalui :1) daripada pengendalian haiwan yang dijangkiti atau dijumpai mati di dalam hutan , 2) jangkitan daripada manusia kepada manusia terjadi melalui sentuhan langsung (*direct contact*) dengan cecair badan (*bodily fluids*) pesakit yang telah dijangkiti seperti darah, air liur, najis dan sebagainya. Disebabkan oleh cara jangkitan Penyakit EVD ini, para pekerja kesihatan yang mengendalikan pesakit EVD hendaklah terlatih dan sentiasa menggunakan "Personal Protective Equipment (PPE)" yang lengkap bagi mengelakkan jangkitan serius ini.

Tanda-tanda jangkitan Penyakit Virus Ebola (EVD) termasuk demam panas, sakit otot, sakit kepala, sakit kerongkong, keletihan, muntah, cirit-birit dan ruam. Pesakit seterusnya akan mengalami kegagalan buah pinggang dan kegagalan hati. Beberapa pesakit juga didapati mengalami pendarahan. Seorang pesakit biasanya akan menjangkiti orang lain apabila mula menunjukkan tanda-tanda penyakit.

Sebagai langkah berwaspada dan pencegahan, Kementerian Kesihatan telah menasihatkan orang ramai untuk seboleh-bolehnya mengelakkan daripada mengunjungi kawasan-kawasan tersebut. Jika perjalanan ke tempat-tempat yang terjejas sangat-sangat diperlukan dan tidak dapat dielakkan, mereka yang berkenaan hendaklah mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan yang tertentu seperti:

- Kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer
- Tidak mendekati atau mengunjungi pesakit Penyakit Virus Ebola (EVD)
- Menghindarkan diri dari pendedahan atau pengendalian haiwan liar (sakit atau mati), termasuk daging mentah atau memakan daging yang tidak cukup masak
- Mengelakkan daripada menghadiri atau mengendalikan upacara pengkbumian pesakit EVD

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.who.int

CERAMAH BERSIRI



21 Ogos 2014

'Pelanggan Diutamakan'

oleh

Dr Hj Azlan Hj Jaludin
Unit QPRD



28 Ogos 2014

'Gerak Khas'

oleh

Ummi Salmah Arrif
HPC



11 September 2014

'Cuti'

oleh

Awg Haji Zakaria Zainal
JKP



20 September 2014

'Kepentingan IT'

oleh

Dr Hjh Syamimi
EGINC, UBD

—————
Semua Ceramah akan
diadakan pada:

Jam

3.00 petang

Tempat

Pusat CME, Jabatan
Perkhidmatan Kesihatan
(Aras 6, Kondominium Ong Sum Ping)

—————
Semua pegawai
dan
kakitangan JPK
di alu-alukan hadir

Aktiviti-Aktiviti

- Kajiselidik Kepuasan Bekerja 2014
 - Sepanjang bulan Ogos 2014
- Bengkel Healthcare Quality
 - 26 & 27 November 2014
- 3rd Clinical Audit Symposium
 - 28 November 2014

* Tertakluk kepada perubahan

Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan
dan Perkembangan
Pejabat Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan

Tel
2381640 Sambungan 6161
Fax
2382032
Emel
health.quality@moh.gov.bn

Sidang Editorial

Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)
Pegawai Jururawat Kesihatan

Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)
Atendan Kesihatan

Sumber

Perkhidmatan Saintifik
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar



Antara Kandungan
akan datang

- Organisasi & Fungsi
Perkhidmatan Kejururawatan
Kesihatan Masyarakat
- Kepentingan Vaksin Flu

Salam Aidilfitri
1435

Kepada Semua Warga
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan